

[allstaff-group] HEBAHAN PENDAFTARAN PEMBEKAL UTM DI SISTEM ePerolehan@UTM (eP@UTM)

1 message

Jabatan Bendahari <bendahari@utm.my>
Reply-To: allstaff-group+managers@utm.my
To: All Staff UTM <allstaff-group@utm.my>

Mon, Mar 11, 2024 at 5:24 PM

Assalamualaikum /Salam Sejahtera

Y.Bhg Dato'/DatukProf/Prof.Madya/Dr./Tuan/Puan/Saudara,



JABATAN BENDAHARI

PENDAFTARAN SYARIKAT / PEMBEKAL DI SISTEM ePEROLEHAN@UTM (eP@UTM)

Pendaftaran Bermula 05 MAC 2024

HANYA SYARIKAT / PEMBEKAL YANG BERDAFTAR DALAM SISTEM eP@UTM SAHAJA BOLEH MENYERTAI PEROLEHAN DI UTM

Yuran Pendaftaran RM50.00 (2 Tahun) | Pembaharuan Sijil RM50.00 (2 Tahun)

PERCUMA PEMBAHARUAN SIJIL SEHINGGA 31 DISEMBER 2024 BAGI SYARIKAT/PEMBEKAL YANG MASIH AKTIF SEHINGGA 31 DISEMBER 2023

SILA SCAN ATAU LOG IN DI PORTAL **eperolehan.utm.my**



 www.utm.my
Menginovasi Penyelesaian

Adalah dimaklumkan bahawa mulai **5 Mac 2024**, Unit Pengurusan Perolehan, Jabatan Bendahari telah menggunakan **Sistem ePerolehan@UTM** bagi urusan pendaftaran pembekal di UTM. Kesemua pembekal baharu/sedia ada adalah diminta untuk mendaftar di sistem ePerolehan@UTM bagi menyertai kesemua perolehan di UTM.

Selaras dengan penggunaan eP@UTM ini juga, kadar bayaran bagi pendaftaran dan pembaharuan pembekal di UTM juga telah disemak dan diselaraskan kepada **RM50.00** bagi pendaftaran/pembaharuan pendaftaran pembekal bagi tempoh selama 2 tahun (bagi pembekal yang berstatus 'TIDAK AKTIF' pada 31 Disember 2023). Bagi pembekal yang berstatus 'AKTIF' di dalam rekod pembekal UTM pada 31 Disember 2023, tiada bayaran

dikenakan untuk pembaharuan sijil. Pihak urus setia akan menghubungi pembekal bagi tujuan pengemaskinian maklumat.

Unit Pengurusan Perolehan, Jabatan Bendahari, UTM Johor Bahru merupakan urus setia yang bertanggungjawab menguruskan pendaftaran/pembaharuan pendaftaran pembekal UTM. Sebarang pertanyaan berkaitan, bolehlah menghubungi pegawai berikut:

- 1) Pn Hurul Aini Bt Razali: 07-5530212
- 2) En Hasmin Mohamad: 07-5530223
- 3) En Mohd Fared Mohd: 07-5530319

Sehubungan itu, kerjasama dan bantuan Tuan/Puan adalah dipohon untuk memanjangkan hebahan ini kepada semua staf/pegawai yang berurusan dengan pembekal di Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing bagi makluman dan tindakan pembekal. Turut dilampirkan bersama email ini adalah poster hebahan pembekal serta infografik proses pendaftaran/pembaharuan pembekal berstatus 'Tidak Aktif' sebagai panduan dan rujukan Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih. .

Jabatan Bendahari/The Bursary
Universiti Teknologi Malaysia
Komunikasi Korporat/Corporate Communication:
- 07-5530232
- bendahari@utm.my
Kewangan Pelajar/Students Financial Affairs:
- 07-5530152/30597/30087/30235/30117/30179
- bendahari-ukp@utm.my

DISCLAIMER: The information in this e-mail and any attachment(s) transmitted with it ("Message") is intended only for the use of the intended recipient(s) and may contain confidential or privileged information. UTM are not responsible for any unauthorised changes made to the information or for the effect of such changes. You are hereby notified that any action in reliance upon, or any review, retransmission, dissemination, distribution, printing or copying of this Message or any part thereof by anyone other than the intended recipient(s) is strictly prohibited. Any opinions, conclusions and other information in this Message that do not relate to the official business of UTM shall be understood as neither given nor endorsed by UTM. UTM shall not be liable for loss or damage caused by viruses transmitted by this Message.

--
You received this message because you are subscribed to the Google Groups "All Staff UTM" group. To unsubscribe from this group and stop receiving emails from it, send an email to allstaff-group+unsubscribe@utm.my. To view this discussion on the web visit <https://groups.google.com/a/utm.my/d/msgid/allstaff-group/CAMJPGMD4%3D087vWsBmED5gB8sok1PdxzN2JvosJeadq0fBnbuPA%40mail.gmail.com>.

2 attachments



A. Poster ePerolehan 2024.jpg
280K



B. Pendaftaran Pembekal eP 2024.jpg
807K